

INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN

2017



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
www.hasil.gov.my

SKOP PENGENAAN CUKAI

- Individu Bukan Pemastautin dikenakan cukai atas pendapatan diperolehi atau diterima dari **MALAYSIA**
- Secara amnya, anda bukan pemastautin untuk tujuan cukai jika berada di Malaysia kurang **182 hari** untuk satu tahun kalendar tanpa mengira kerakyatan atau kewarganegaraan

PENDAPATAN PENGGAJIAN INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN YANG DIKENAKAN CUKAI

- Gaji, upah, bonus, yuran pengarah, komisen, elaun, perkuisit, ganjaran, bayaran lebih masa, tip, pampasan, cukai ditanggung majikan, Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP) dan lain-lain (tunai atau sesuatu yang boleh ditukar kepada tunai)
- Manfaat Berupa Barangan daripada majikan (kereta, telefon bimbit, pemandu, orang gaji dan lain-lain)
- Nilai Tempat Kediaman yang disediakan oleh majikan
- Caruman oleh majikan untuk pekerja ke tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan
- Pampasan kerana kehilangan pekerjaan

INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN TIDAK DIKENAKAN CUKAI JIKA

- Bekerja di Malaysia kurang daripada **60 hari setahun**
- Berumur 55 tahun dan menerima pencen daripada penggajian di Malaysia
- Menerima faedah bank
- Menerima dividen yang dikecualikan cukai

PERHATIAN

Gunakan **e-Filing (e-M / e-MT)** iaitu cara mudah bagi melaporkan pendapatan penggajian. Maklumat lanjut boleh diperolehi dari Nota Penerangan Borang M di www.hasil.gov.my

Tarikh akhir menghantar Borang M dan membayar baki cukai kena bayar (jika ada): **30 April setiap tahun**

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

TANGGUNGJAWAB PEKERJA

- Isi dan hantar Borang e-M / e-MT melalui **e-Filing**
- Simpan Penyata Saraan daripada majikan (EA / EC / lain-lain) dan resit-resit selama 7 tahun bagi tujuan semakan LHDNM
- Individu Bukan Pemastautin tidak layak menuntut pelepasan, potongan dan rebat cukai

POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

- Bertujuan meringankan beban pekerja daripada membayar cukai sekaligus
- Bayaran ansuran pendahuluan yang ditolak secara bulanan
- Kiraan berdasarkan pada kadar rata 28% daripada gaji kasar bulanan

KADAR CUKAI INDIVIDU BUKAN PEMASTAUTIN

| JENIS PENDAPATAN | TAHUN TAKSIRAN | | |
|--|----------------|------|-------------|
| | 2010-2014 | 2015 | 2016 & 2017 |
| <ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan, perdagangan atau profesion • Penggajian • Dividen • Sewa • Lain-lain perolehan atau keuntungan | 26 % | 25 % | 28 % |

Sebarang pertanyaan SILA HUBUNGI

CAWANGAN TIDAK BERMASTAUTIN
TINGKAT 3, 6 – 8, BLOK 8
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50600 KUALA LUMPUR

TEL : 03 6209 1000

